

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI SELASA, 27 JULAI 2004, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 12

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. 51-100085
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah program-program pembangunan sumber manusia yang telah dilaksanakan pada tahun ini.
2. 34-100374
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-
 - (a) jumlah Ketua Pegawai Eksekutif (CEO), Ketua Pegawai Operasi (C.O.O) dan Ketua Kewangan (CFO) mengikut kaum di kalangan syarikat besar swasta, perhotelan dan syarikat-syarikat yang di senarai dalam Bursa Saham Malaysia (Papan Utama dan Papan Kedua); dan
 - (b) daripada jumlah tersebut, berapakah jumlah yang terdiri daripada pegawai warganegara asing mengikut negara masing-masing.
3. 46-100127
Puan Wan Ubaidah binti Omar minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah langkah-langkah pro-aktif yang akan diambil oleh pihak Kementerian bagi melahirkan generasi pelapis yang berdaya maju bagi memperkasakan bidang pertanian negara serta bagaimanakah Kerajaan berusaha memupuk minat generasi muda supaya meminati bidang pertanian dan menjadikannya sebagai satu kerjaya.

4. 49-100354
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah unit-unit perumahan kos rendah yang masih belum dijual serta apakah sebab ianya berlaku kerana pada masa kini terdapat banyak yang tidak dapat dijual di seluruh Malaysia.
5. 14-100289
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
 - (a) statistik jenayah pelajar seluruh negara mengikut negeri dari tahun 2000-2003; dan
 - (b) jenis jenayah yang dilakukan.
6. 43-100076
Puan Hajah Samsiah binti Samsudin minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan:-
 - (a) berapakah jumlah peminjam TEKUN di seluruh negara mengikut pecahan negeri-negeri; dan
 - (b) apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian kepada peminjam TEKUN yang tidak membayar hutang mereka.
7. 17-100038
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan hak pengguna dan tindakan-tindakan yang boleh diambil untuk mengurangkan kekotoran dalam bekalan air ke rumah-rumah supaya kesihatan rakyat dan imej negara tidak terjejas.
8. 30-100225
Puan Hajah Wan Ramlah binti Ahmad minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk mewujudkan jawatan warden tetap (bukan dari kalangan guru) untuk bertugas di mana-mana asrama sekolah secara penuh masa.
9. 53-100220
Tuan Wilson Sagamani a/l Paul Devasagayam minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah Kerajaan berhasrat untuk menaikkan elaun latihan tahunan serta imbuhan kepada anggota pasukan sukarelawan simpanan seperti Rela dan sukarelawan polis di semua peringkat bagi memastikan kemantapan tenaga sukarelawan.

10. 20-100065
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan:-
- (a) apakah usaha-usaha Kementerian untuk memastikan negara dapat melahirkan pakar-pakar Sains dan Teknologi di negara ini; dan
 - (b) apakah Kementerian menyediakan pakej rangsangan yang menarik bagi pakar-pakar Sains dan Teknologi luar negara untuk berkhidmat di negara ini.
11. 10-100312
Datuk William Lau Kung Hui minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan perkembangan terkini Suruhanjaya Penambahbaikan Perjalanan Pengurusan Polis DiRaja Malaysia dan sama ada akan diberikan pertambahan peruntukan tabung perkhidmatan polis. Adakah pertambahan peruntukan tersebut akan memberikan kesan ke atas keberkesanan tugas PDRM, terutamanya bertindak cepat terhadap panggilan-panggilan kecemasan, lebih-lebih lagi orang awam rasa selamat sama ada di jalan raya atau di rumah.
12. 15-100420
Che Puan Kelana D'Raja Datin (Dr) Hajah Nik Azizah Binti Haji Nik Yahya minta **MENTERI TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI** menyatakan apakah pihak Kementerian tidak bercadang untuk menurunkan kadar caj panggilan telefon rumah terutamanya di kawasan luar bandar selaras dengan dasar pihak Kerajaan untuk membantu golongan penduduk di kawasan luar bandar.
13. 42-100242
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan berapakah jumlah kes kematian akibat digilis oleh kereta api. Apakah punca kemalangan tersebut dan apakah langkah keselamatan yang diambil oleh Kereta Api Tanah Melayu Berhad (KTMB) untuk mengurangkan kemalangan tersebut.
14. 18-100012
Tuan Ismail bin Kasim minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah tindakan yang telah dan sedang diambil berikutan kerugian berjuta-juta ringgit akibat "vandalism" semasa pelaksanaan modul ke-2 Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) di IPTA.
15. 40-100163
Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan skim perlindungan insurans bagi nelayan.

16. 48-100001
Dato' Dr. Chin Fook Weng minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sejak diumumkan ketegasan Kerajaan untuk membanteras gejala rasuah di Malaysia, sejauh manakah kejayaannya serta apakah masalah-masalah terbesar yang harus diatasi.
17. 12-100402
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan dalam usaha mengawal keselamatan persisiran pantai negara dari elemen subversif, penyeludupan dan pendatang tanpa izin adakah pihak Kerajaan bercadang untuk bekerjasama dengan lain-lain agensi seperti JKKK dan pasukan sukarelawan bagi membuat rondaan secara terancang di kawasan tertentu di persisiran pantai.
18. 35-100047
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan adakah selamat bagi rakyat Malaysia melawat ke Selatan Thai, seperti Narathiwat, Yala dan Patani berikutan daripada perkembangan terkini mengenai status keselamatan di sempadan selatan negara itu.
19. 45-100142
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jumlah keahlian Perkeso dan dana terkumpul keseluruhan sehingga April 2004, serta jumlah tuntutan yang telah dibayar kepada pencarum antara 1995 hingga 2003.
20. 41-100068
Tuan Poh Mok Hua @ Poh Bak Hoe minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan kelulusan khas perpindahan SJK(C). Sekiranya Lembaga Pengurus dan PIBG Sekolah berkenaan tidak memperolehi tapak dan tidak mampu membina sendiri bangunan sekolah untuk perpindahan sekolah ini. Adakah Kementerian sedia untuk membantu mereka dan adakah Kementerian sedia untuk memberi lain-lain bantuan.
21. 4-100215
Puan Jaya Partiban minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah Kementerian bercadang mengawal harga barang-barang keperluan bayi seperti pakaian, lampin, losyen dan sebagainya memandangkan harga barangan ini makin naik dan golongan berpendapatan rendah tidak mampu membelinya.
22. 38-100276
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan prosedur bagi rakyat asing mendapatkan kerakyatan atau sekurang-kurangnya sebagai pemastautin tetap kerana ada yang telah lama berada di negara ini tetapi belum mendapat taraf pemastautin.

23. 26-100195
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan penjelasan berhubung isu keselamatan negara khususnya perairan Selat Melaka hasil dari perjumpaan Menteri dengan Laksamana Tentera Laut US Pasifik Admiral Thomas Fargo di Putrajaya pada 21 Jun 2004.
24. 9-100277
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KEBUDAYAAN, KESENIAN DAN WARISAN** menyatakan apakah perancangan yang dibuat bagi memastikan mutu filem tempatan setanding dengan filem antarabangsa supaya filem kita dapat menembusi pasaran antarabangsa.
25. 25-100250
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan adakah benar Jabatan Imigresen mempunyai satu dasar berbeza mengenai kemasukan pelancongan dari Negara China dan mengapakah wanita berumur 25 tahun ke bawah dikenakan syarat yang ketat sedangkan peraturan itu tidak dikenakan ke atas wanita dari negara lain.
26. 21-100164
Datin Naomi Chong Set Mui minta **PERDANA MENTERI** menyatakan memandangkan penemuan baru simpanan minyak di persisiran Pantai Barat Sabah adakah Petronas mempunyai rancangan untuk membuka loji petro-kimia di Sabah.
27. 37-100122
Dato' Lim Sing @ Lam Kam Sang minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan sama ada sistem pengambilan berkomputer ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) akan dikemaskini dan dipertingkatkan supaya pemohon STPM yang mendapat 5A diberikan keutamaan berbanding dengan pemohon 4A.
28. 42-100247
Tuan Tan Cheng Tee minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan usaha-usaha diambil untuk mempercepatkan persiapan makmal-makmal komputer sekolah yang terbengkalai.
29. 23-100097
Puan Siw Chun a/p Eam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan secara keseluruhan berapakah bilangan pesakit hemodialysis dalam negara kita dan berapakah bilangan pesakit yang mendapat rawatan di hospital-hospital kerajaan.

30. 5-100372
Puan Nosimah binti Hashim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah fungsi JAKIM memadai untuk membantu mengatasi masalah sosial sedia ada, jika ada apakah program-program yang dilaksanakan oleh JAKIM.
31. 5-100373
Puan Nosimah binti Hashim minta **PERDANA MENTERI** menyatakan penjelasan berhubung sistem pentadbiran kakitangan pusat kutipan zakat sedia ada dan sistem adakah apa-apa perancangan untuk memastikan Amil dilantik di kalangan yang berkemampuan dan berkelayakan daripada segi fungsi khidmat kepada kumpulan sasaran.
32. 39-100324
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI PELANCONGAN** menyatakan mengenai masalah kekurangan tempat penginapan yang berkualiti bagi pelancong-pelancong terutama sekali di negeri Perlis dan apakah tindakan Kementerian bagi mengatasi masalah ini agar ia dapat membantu menjana ekonomi negeri terbabit.
33. 45-100124
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kes dera yang melibatkan pekerja asing di seluruh negara mengikut tahun antara 2000 hingga April 2004.
34. 27-100347
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian bercadang untuk menaikkan taraf jambatan penghubung antara kawasan perusahaan Prai-Bulatan Lebu Raya Lingkaran Luar Butterworth (BORR) kerana kesesakan yang berlaku di jambatan itu kesan daripada pembinaan BORR.
35. 38-100261
Puan Mariah binti Haji Abdullah minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan langkah yang diambil bagi membantu pelajar terpinggir yang berpunca daripada kehidupan keluarga mereka yang terlalu miskin.
36. 4-100213
Puan Jaya Partiban minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mengkaji sistem semasa berhubung dengan perlantikan dan kenaikan pangkat para hakim supaya lebih telus dan jika ya, adakah satu Suruhanjaya terdiri daripada wakil-wakil dari bidang Kehakiman Kerajaan, Peguam Negara dan Majlis Peguam akan ditubuhkan bagi memantau perlantikan hakim-hakim kelak.

37. 9-100293
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mengurangkan subsidi produk petroleum sebagai langkah untuk meringankan beban perbelanjaan Kerajaan.
38. 51-100083
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI** menyatakan apakah rancangan Kerajaan untuk memberi bantuan kepada kaum petani memandangkan kos baja dan racun serangga semakin meningkat sedangkan harga komoditi pertanian agak lembab.
39. 39-100331
Tuan Wan Nordin bin Che Murat minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang akan diambil bagi menghadapi kekurangan tenaga mahir dalam pelbagai bidang terutamanya sains, teknologi serta kejuruteraan. Adakah pihak Kerajaan bercadang memberi latihan intensif untuk menarik minat generasi pelapis bagi menceburi bidang tersebut.
40. 17-100049
Tuan Lee Sing Chooi minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah keputusan tentang kajian Bank Negara terhadap yuran dan caj-caj bank yang dikenakan atas pengguna.
41. 20-100080
Tuan Osman bin Bungsu minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan:-
- (a) apakah jenis-jenis perkhidmatan kaunseling yang disediakan untuk masyarakat terutamanya penduduk luar bandar dan berapa ramaikah masyarakat telah menerima satu-satu perkhidmatan mengikut umur dan jantina; dan
 - (b) apakah langkah-langkah untuk memberi penerangan atau penjelasan kepada masyarakat, sejauh mana atau betapa penting perkhidmatan yang disediakan oleh Kementerian.
42. 7-100230
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pihak manakah yang telah dipertanggungjawabkan untuk memastikan ekuiti pegangan masyarakat India dapat ditingkatkan dari 1.5% ke 3% menjelang tahun 2010 dan apakah keistimewaan yang telah digariskan setakat ini untuk mewujudkan masyarakat India mencapai sasaran ini.

43. 49-100360
Dato' Omar bin Faudzar minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan mengenai kedudukan dua pulau iaitu Pulau Perak dan Pulau Jarak yang tidak berpenghuni dan terletak di perairan Selat Melaka yang kaya dengan biodiversiti laut dan dikatakan sarang lanun dan juga pegganas. Apakah ini benar dan apakah rancangan Kementerian bagi menangani situasi ini.
44. 45-100136
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan jumlah kos tambahan yang akan terpaksa ditanggung oleh Kerajaan apabila elaun telefon untuk pegawai penyiasat polis diperkenalkan.
45. 14-100287
Tuan Krishnan a/l Maniam minta **MENTERI PELAJARAN** menyatakan:-
- (a) jumlah bantuan tahunan yang telah diberikan kepada SJK(T) antara tahun 2000 - 2003; dan
 - (b) jumlah SJK(T) mengikut negeri yang telah menerima bantuan tersebut mengikut tahun dari 2000 - 2003.
46. 26-100342
Tuan Zainal bin Rampak minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan tindakan bagi memastikan amalan syarikat-syarikat besar (conglomerate) yang menubuhkan syarikat induk untuk memindahkan semua aset di bawah syarikat induk dan anak-anak syarikat hanya bertanggungjawab menjalankan operasi sahaja tidak menjejaskan kebajikan pekerja dan bila mana anak-anak syarikat mengalami kerugian dan terpaksa ditutup, syarikat induk hendaklah bertanggungjawab dan wajib membayar pampasan penamatan perkhidmatan kepada pekerja.
47. 27-100345
Puan Hajah Che Jam binti Harun minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah rancangan Kementerian untuk membantu syarikat-syarikat bumiputera bagi meningkatkan pegangan ekuiti bumiputera ke paras 30% di Bursa Saham Malaysia.
48. 9-100290
Dato' Haji Muhammad bin Haji Abdul Ghani minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan mengapa terdapat perbezaan di antara pusat kesihatan Kerajaan dan swasta untuk suntikan imunisasi bayi dari tarikh dilahirkan sehingga berumur dua (2) tahun terutamanya suntikan imunisasi "tiga serangkai" atau MMR.

49. 19-100172
Datuk Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) apakah statistik terkini kadar jenayah ragut dan jumlah tangkapan yang telah dibuat setakat ini; dan
 - (b) bagaimana pula dengan pemantauan di sekitar kawasan perumahan kerana wujud aduan yang mengatakan kejadian ragut beroperasi di waktu awal pagi dan peragut melakukannya secara berkumpulan menyerang mangsa.
50. 51-100082
Tuan Chiam Yong Tee minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) bilangan kes kejadian meragut beg tangan dan barang-barang kemas di khalayak ramai pada separuh tahun pertama 2004; dan
 - (b) bilangan kes yang tersebut di atas yang telah berjaya ditangani.
51. 6-100281
Datin Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan tentang:-
- (a) sistem pendidikan yang digunakan oleh Taman Didikan Kanak-kanak KEMAS di tahun 2000-2004 ini berbanding 1995-1999 dari aspek struktur mata pelajaran yang digunakan untuk kanak-kanak dan kemampuan kurikulum tersebut bersaing dengan tadika-tadika swasta; dan
 - (b) taraf pendidikan guru-guru tadika KEMAS.
52. 7-100229
Dato' Ratnam a/l Muthiah minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-
- (a) berapakah jumlah rumah yang telah dimiliki oleh pekerja ladang melalui "Home Ownship Scheme" yang dilancarkan pada tahun 1976; dan
 - (b) apakah tindakan yang telah diambil terhadap pemilik-pemilik ladang yang enggan menyertai rancangan perumahan untuk pekerja ladang.

53. 22-100206
Dato' Dr. Vijayaratnam a/l Seevaratnam minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai cadangan menjemput pasukan dari negara Singapura mengambil bahagian di dalam pertandingan Sukan Malaysia (SUKMA) pada masa hadapan.
54. 25-100251
Puan Ooi Siew Kim minta **MENTERI PENGAJIAN TINGGI** menyatakan adakah pengambilan pelajar ke IPTA melalui sistem meritokrasi akan diteruskan walaupun terdapat banyak kekecohan berlaku baru-baru ini.
55. 34-100378
Datuk Yaakob bin Haji Mohammad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan sehingga April, 2004 berapakah jumlah syarikat swasta termasuk milik negara asing mengikut kategori (Berhad dan Sdn. Bhd.) yang sudah berdaftar di negara ini dan daripada jumlah tersebut berapakah daripadanya terpaksa menghadapi penggulungan syarikat (winding up) oleh mahkamah dan nyatakan jumlah tenaga kerja mengikut kaum dalam kategori Kumpulan Pengurusan, Kumpulan Gunasama dan Kumpulan Rendah di syarikat-syarikat tersebut.
56. 35-100050
Dato' Haji Arzmi bin Haji Abdul Hamid minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan akhir-akhir ini prestasi dan mutu sukan bola sepak, badminton dan sepak takraw agak merosot sedangkan acara ini juga suatu ketika dahulu kita pernah menguasainya. Apakah usaha Kementerian bagi meningkatkan semula untuk sukan ini.
57. 52-100409
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah projek Lebuhraya Timur-Barat Ke-2 dari Simpang Pulai-Kuala Berang akan siap untuk digunakan oleh orang ramai. Bilakah jadual asal sepatutnya ianya boleh digunakan dan berapakah kos asal dan adakah peningkatan daripada segi kos.
58. 44-100106
Puan Safinah binti Jusoh minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan:-
- (a) produser-produser yang harus dilalui bagi pemohon taraf kerakyatan negara ini oleh warga asing dan syarat-syarat yang terlibat untuk kelulusan permohonan tersebut; dan
 - (b) adakah terdapat cara dan usaha agar "pelarian" yang telah menduduki negara ini selama berpuluh-puluh tahun boleh dipertimbangkan untuk mendapat taraf kerakyatan Malaysia.

59. 12-100405
Datuk Mansor bin Haji Md. Jaafar minta **MENTERI HAL EHWAL DALAM NEGERI** menyatakan dalam usaha membantu pihak polis membanteras jenayah ragut, adakah Kementerian bercadang untuk menyumbangkan tenaga dengan pihak-pihak seperti RELA dan sukarelawan untuk membuat rondaan dan melancarkan kempen kesedaran serta pengumpulan maklumat risikan ke atas suspek.
60. 52-100407
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk memegang saham ekuiti dengan majoriti di dalam syarikat-syarikat yang ditubuhkan bagi mengurus penswastaaan pengurusan dan sistem air di negeri-negeri di seluruh Malaysia memandangkan air merupakan penggunaan serta kepentingan asas bagi seluruh rakyat.
61. 50-100410
Dato' Hamzah bin Zainudin minta **MENTERI KESELAMATAN DALAM NEGERI** menyatakan memandangkan kegiatan jenayah seperti ragut, penagihan dadah, lumba haram, melepak dan sebagainya begitu berleluasa hari ini adakah Kementerian berhasrat untuk menggalakkan orang awam terutama di taman-taman perumahan menjadi anggota Polis Simpanan dan diberi kuasa untuk menangkap penjenayah ini.
62. 52-100412
Dato' Ikhwan Salim bin Dato' Haji Sujak minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian berhasrat untuk membenarkan pihak berkuasa tempatan mensyaratkan di kawasan-kawasan perumahan yang sedia ada serta kawasan-kawasan perumahan baru yang sedang di dalam pembinaan apabila siap nanti untuk membenarkan kemudahan komuniti menyeluruh diadakan di persekitaran masjid padang mahupun dewan serbaguna.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.11/2004) Rang Undang-undang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan (Pindaan) 2004 – **Menyambung semula Perbahasan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang. [26 Julai 2004]**

2. (D.R.1/2004) Rang Undang-undang Perbekalan Bacaan Kali
Tambahan (2003) 2004 Yang Kedua

3. 45-100144
Tuan Haji Hassan bin Haji Shukri akan mencadangkan:-

"Bahawa Dewan ini mengambil ketetapan untuk mengarahkan Kerajaan, khususnya Perbadanan Putrajaya supaya memastikan penggunaan bahasa kebangsaan didaulatkan sepenuhnya di Putrajaya selaras dengan peruntukan Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Bahasa Kebangsaan 1967. Dewan ini melahirkan rasa kesal dengan penggunaan istilah-istilah asing seperti perkataan "presint" di Putrajaya sehingga menjejaskan kedudukan Putrajaya sebagai Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang berjiwa kebangsaan yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan sepatutnya memastikan bahasa kebangsaan didahulukan dalam semua penggunaan, kecuali jika tidak terdapat perkataan bahasa Melayu atau bahasa serumpun, barulah wajar bahasa asing digunakan. Dewan ini juga sangat kesal dengan kecuaiannya Kerajaan dalam mendaulatkan bahasa Kebangsaan di pusat pentadbiran itu sehingga menjadi galakan yang boleh merosakkan bahasa Kebangsaan".